

SKIM PENYELESAIAN PINJAMAN KECIL



Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Scheme, SDRS) membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) berdaya maju yang menghadapi masalah pembiayaan terjejas (impaired financing), serta PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan berikutan pembiayaan daripada pelbagai institusi kewangan. Skim ini memudahkan penyusunan atau penjadualan semula kemudahan pembiayaan sedia ada, dan pembiayaan baharu akan diberikan, sekiranya perlu.

Siapakah yang Layak?

- Syarikat milik warganegara Malaysia (sekurang-kurangnya 51%) dan institusi yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Pertubuhan 1966 atau Akta Koperasi 1993 dalam semua sektor ekonomi;
- Perusahaan perniagaan yang mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang atau hasil jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta;
- PKS berdaya maju yang menghadapi masalah pembiayaan terjejas (impaired financing);
- PKS berdaya maju yang menghadapi masalah kewangan berikutan pembiayaan daripada pelbagai institusi kewangan;
- Pemohon yang sedang menjalankan perniagaan; dan
- Pembiayaan adalah untuk kegunaan perniagaan (tidak termasuk pembiayaan untuk pembelian saham dan penggunaan peribadi).

Bagaimanakah hendak Memohon?

Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan SDRS daripada institusi kewangan peserta (IKP) atau daripada Sekretariat Jawatankuasa Penyelesaian Pinjaman Kecil (Small Debt Resolution Committee, SDRC). Borang permohonan juga boleh dimuat turun daripada www.smeinfo.com.my. Borang permohonan yang lengkap diisi bersama-sama dengan semua dokumen yang diperlukan hendaklah dikemukakan terus kepada IKP yang menyenggarakan akaun pembiayaan tersebut. Permohonan yang dikemukakan terus kepada Sekretariat SDRC akan dihantar kepada IKP yang berkenaan untuk dinilai.

Bagaimanakah Skim Ini Dilaksanakan?

Pemohon mengemukakan borang SDRS yang lengkap diisi serta dokumen kepada IKP untuk memohon penyusunan dan penjadualan semula kemudahan sedia ada. Sekiranya permohonan tersebut ditolak oleh IKP, SDRC di Bank Negara Malaysia akan membuat penilaian bebas terhadap daya maju perniagaan pemohon dan mungkin mencadangkan penyusunan atau penjadualan semula sekiranya layak, dan meluluskan pembiayaan baharu, sekiranya perlu. Pembiayaan baharu akan diperoleh melalui Skim dan Dana Khas PKS sedia ada yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia.

Institusi Kewangan Peserta (IKP)

- Semua bank perdagangan dan bank Islam
- Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat)
- Bank Pembangunan Malaysia Berhad
- Agrobank
- Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank)
- Export-Import Bank of Malaysia Berhad (EXIM Bank)
- Bank Simpanan Nasional (BSN)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sekretariat SDRC

Jabatan Kewangan Pembangunan dan Enterpris
Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur

Log masuk ke portal SMEinfo di

<http://www.smeinfo.com.my>

atau hubungi BNMTLELINK di

1-300-88-5465